

SISTEM PERMOHONAN PEMBIAYAAN MBSB BANK (M FAST)

1) Apakah Sistem Permohonan Pembiayaan MBSB Bank (M FAST)?

M FAST membolehkan anda memohon pembiayaan peribadi-i dengan mudah dan boleh dilakukan dari rumah, pejabat, atau di mana sahaja anda berada. Semua permohonan hendaklah dihantar secara dalam talian dan akan disemak dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

2) Apakah kelebihan M FAST?

Dengan M FAST, anda dapat menikmati faedah seperti berikut:

- Permohonan dalam talian yang menjimatkan masa.
- Proses pengisian borang yang mudah.
- Membuat semakan untuk kelayakan permohonan pembiayaan anda dengan serta-merta.
- Membuat semakan status permohonan pembiayaan anda pada bila-bila masa.

3) Apakah ciri-ciri pembiayaan peribadi-i MBSB Bank?

- Pembiayaan peribadi-i MBSB Bank adalah produk patuh Syariah berdasarkan konsep *Tawarruq*.
- Jumlah pembiayaan sehingga RM400,000.
- Tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun.
- Kadar pembiayaan yang kompetitif serendah KA + 2.15% setahun.
- Tidak memerlukan penjamin.

4) Siapakah yang layak memohon pembiayaan peribadi-i MBSB Bank melalui M FAST?

- Warganegara Malaysia.
- Individu berumur 19 tahun dan tidak melebihi 60 tahun setelah tamat kemudahan*.
- Pendapatan minimum RM3,000* (pelanggan baru) / RM2,000* (pelanggan sedia ada).
- Terbuka untuk kakitangan awam dan sektor swasta.

(*Tertakluk kepada pakej pembiayaan peribadi-i yang dilanggan oleh pelanggan)

5) Apakah jenis pakej yang ditawarkan untuk pembiayaan peribadi-i MBSB Bank melalui M FAST?

Jenis	Pakej Pembiayaan Peribadi-i
Sektor Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Mumtaz-i** • Afdhal-i**
Sektor Swasta	<ul style="list-style-type: none"> • Sektor Swasta-i**

** Sila klik pautan di atas untuk perincian maklumat pakej pembiayaan peribadi-i dan kriteria kelayakan

Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat produk dan terma & syarat di Laman Web MBSB Bank di <https://www.mbsbbank.com/en/consumer-banking/financing/personal-financing-i> sebelum memohon mana-mana pakej.

6) Bagaimanakah cara untuk memohon pembiayaan peribadi-i MBSB Bank melalui M FAST?

Sila klik <https://www.mbsbbank.com/tbc> (dan ikuti langkah-langkah mudah)

7) Berapa banyak pakej yang boleh saya mohon bagi setiap penyerahan?

Anda hanya boleh memohon satu (1) pakej bagi setiap penyerahan melalui M FAST.

8) Apakah yang dimaksudkan dengan cawangan pilihan?

Cawangan pilihan merujuk kepada cawangan yang anda pilih. Cawangan pilihan akan menjadi cawangan untuk anda membuat pembukaan akaun deposit.

9) Bolehkah saya memilih cawangan pilihan saya sendiri?

Ya, anda boleh memilih cawangan pilihan anda sendiri semasa memohon pembiayaan peribadi-i anda secara dalam talian. Anda boleh merujuk ke Laman Web MBSB Bank untuk senarai cawangan.

10) Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk memproses permohonan pembiayaan peribadi-i MBSB Bank melalui M FAST?

Pegawai Bank akan menghubungi anda dalam tempoh satu (1) hari bekerja setelah menerima permohonan pembiayaan peribadi-i anda secara dalam talian.

11) Bank telah meluluskan jumlah yang lebih rendah daripada yang saya mohon, bolehkah saya menolak tawaran tersebut?

Pegawai Bank akan memaklumkan kepada anda sekiranya jumlah yang diluluskan lebih rendah daripada jumlah pembiayaan yang diminta dan anda boleh menolak tawaran tersebut.

12) Apakah yang akan berlaku sekiranya saya membayar lebih daripada jumlah pembayaran bulanan saya, bolehkah saya mengeluarkan wang tersebut?

Bayaran tambahan tersebut akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan di mana bayaran pendahuluan tersebut akan digunakan untuk mengurangkan ansuran bagi bulan berikutnya. Pengeluaran semula tidak dibenarkan.

13) Bolehkah saya membuat bayaran lebih untuk mengurangkan baki prinsipal tertunggak saya?

Ya anda boleh melakukannya dengan memaklumkan kepada pihak MBSB Bank tujuan bayaran lebih itu dibuat.

14) Saya sudah mempunyai akaun pembiayaan peribadi-i dengan MBSB Bank, bolehkah saya memohon pembiayaan peribadi-i yang lain melalui M FAST?

Ya, anda boleh memohon bergantung kepada kelayakan anda.

15) Adakah saya akan dikenakan sebarang fi dan caj apabila mengambil produk pembiayaan peribadi-i MBSB Bank?

Berikut adalah fi dan caj yang akan dikenakan untuk permohonan produk pembiayaan peribadi-i MBSB Bank:

No.	Tajuk	Penerangan
i.	Fi <i>Wakalah</i>	RM34.00 (tertakluk kepada 6% kadar Cukai Jualan & Perkhidmatan)
ii.	Bayaran Penyelesaian Awal	Dikecualikan
iii.	Pampasan Bayaran Lewat	<p><u>Semasa Tempoh Kemudahan</u> atau mana-mana bahagiannya, pada kadar 1% setahun atas jumlah yang tertunggak di bawah Kemudahan ini.</p> <p><u>Selepas tempoh kematangan Kemudahan</u> atau mana-mana bahagiannya, pada kadar yang tidak akan melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) semalaman yang ada pada baki tertunggak.</p>

16) Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan lebih lanjut?

Untuk pertanyaan lebih lanjut, anda boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan MBSB Bank di talian 03-2096 3000 atau e-mel terus kepada enquiry@mbsbbank.com .